

# “PENIPUAN PAKEJ UMRAH”

Ihsan: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ <sup>ط</sup> وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Alangkah ruginya hidup tanpa disinari taqwa kepada Allah SWT. Kehidupan di dunia menjadi sia-sia, malah di akhirat bakal binasa dalam neraka. Justeru, carilah keberkatan di dunia serta kemenangan di akhirat dengan menyerlahkan ketaqwaan sebenar melalui kesungguhan mentaati segala perintah dan menjauhi larangan Allah. Hanya dengan taqwa dapat menjamin keselamatan perjalanan kita menuju akhirat yang kekal dan dalam keadaan Allah redha kepada kita sebagai hambaNya.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

**UMRAH** (عمرة) dari sudut bahasa adalah *ziarah* manakala dari sudut istilah adalah menziarahi Baitullah al-Haram bagi mengerjakan ibadat tertentu mengikut syarat-syaratnya pada bila-bila masa. Umrah adalah ibadah yang sangat dituntut oleh Allah SWT.

Hukum mengerjakan ibadat umrah adalah wajib mengikut pendapat Jumhur Ulama ke atas setiap umat Islam yang mukallaf dan berkemampuan dari sudut kewangan serta sihat tubuh badan. Kewajipan mengerjakan ibadah Umrah perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali seumur hidup.

Dalil kewajipan melaksanakan ibadat umrah ini ialah melalui Firman Allah SWT:

وَأْتَمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ ۚ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ ۖ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ ۚ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ ۚ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ۚ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ ۚ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: “Dan sempurnakanlah Ibadat Haji dan Umrah kerana Allah; maka sekiranya kamu dikepong (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram, maka kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah Dam Yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya. maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu Yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), hendaklah ia membayar fidyah. Iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih Dam. kemudian apabila kamu berada kembali Dalam keadaan aman, maka sesiapa Yang mahu menikmati kemudahan Dengan mengerjakan Umrah, (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) Ibadat Haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajiblah ia) menyembelih Dam Yang mudah didapati. kalau ia tidak dapat (mengadakan Dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari Dalam masa mengerjakan Haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna. hukum ini ialah bagi orang Yang tidak tinggal menetap (di sekitar) Masjid Al-Haraam (Makkah). dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan ketahuilah bahawasanya Allah Maha berat balasan seksaNya (terhadap orang-orang Yang melanggar perintahNya).“ (Surah Al-Baqarah: 196)

Antara fadhilat mengerjakan umrah ialah kita dapat menghapuskan dosa-dosa kita seperti mana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: ( العمرة الى العمرة كفارة لما بينهما )

Maksudnya : “Mengerjakan umrah ke satu umrah yang lain menjadi penutup dosa yang dilakukan di antara kedua umrah itu.” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Selain itu, dengan mengerjakan umrah di Tanah Suci juga kita dapat menunaikan solat di Masjidil Haram yang mana pahalanya adalah seratus ribu gandaan daripada tempat lain di samping kita boleh menelusuri perjalanan hidup Nabi SAW dan para sahabat dalam memperjuangkan Islam.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Ibadah umrah secara relatifnya lebih mudah ditunaikan berbanding Haji kerana tiada kekangan kuota dan peraturan yang ketat. Saban tahun jemaah umrah dari Malaysia menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Bagi tahun 2013 sahaja seramai 230,000 orang telah mengerjakan umrah berbanding hanya sebanyak 28,000 jemaah yang menunaikan haji.

Berikutan permintaan yang tinggi untuk mengerjakan umrah dan tidak ada mekanisme kawalan yang komprehensif lagi efektif maka kes-kes penipuan berkaitan dengan pakej umrah juga didapati turut meningkat. Statistik yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM) menunjukkan peningkatan 100 peratus kes difailkan pada tahun 2013 iaitu 761 kes melibatkan kerugian berjumlah RM4.37 juta berbanding 2012. Malah jumlah taksiran kerugian terkumpul yang dilaporkan di TPPM dari tahun 2012 sehingga Ogos 2014 telah melebihi RM9.2 juta.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Mimbar pada hari ini akan memberikan pendedahan kepada masyarakat berkaitan penipuan pakej umrah, kaedah mengenali syarikat yang berlesen, saranan agama terhadap redha dengan ujian serta hak dan tanggungjawab penjual dan pembeli di dalam Islam khusus yang bersabit dengan muamalat pakej umrah.

## **PARA TETAMU ALLAH SWT YANG DIRAHMATI,**

Terdapat tiga bentuk penipuan yang utama telah dikenalpasti dalam kes-kes yang berkaitan dengan penipuan pakej umrah.

Pertama: Penipuan Dengan Niat Enggan Mengadakan Perkhidmatan

Kedua: Perkhidmatan Tidak Sama Seperti Yang Dijanjikan

Ketiga: Lain-Lain Penipuan Yang Berkaitan Dengan Pakej Umrah (Gores dan menang, cabutan bertuah, kad seumur hidup)

Dua punca utama dikenal pasti dalam peningkatan penipuan pakej umrah ini.

Pertama adalah kerakusan pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menipu dan meraih untung; dan kedua adalah kelemahan pengguna sendiri yang mudah terpedaya dengan perangkap pakej umrah yang murah.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Terdapat juga kes di mana pada hari berangkat jemaah ini ditinggalkan di lapangan terbang. Sindiket ini mempromosikan pakej umrah melalui internet dan pelanggan hanya perlu mendaftar serta menjalankan transaksi secara atas talian. Sebaran maklumat hanya dibuat melalui whatsapp dan sms sahaja turut mampu menarik ramai mangsa kerana harga yang murah dan eksklusiviti tajaan khas.

Taktik sindiket ini turut berubah dari masa ke semasa mengikut tempat dan kawasan yang disasarkan. Ada yang menggunakan tawaran menunaikan ibadah itu sambil berziarah dengan harga murah, malah adakalanya diberikan percuma. Di samping itu golongan yang tidak bertanggungjawab ini juga menggunakan alasan harga pakej umrah mereka lebih murah kerana ditaja oleh badan korporat, pemimpin politik, selebriti dan lain-lain sumber yang tidak dinyatakan dengan jelas. Golongan ini sentiasa rakus mencari mangsa.

Turut memburukkan keadaan adalah terdapat kes yang membabitkan urusan antara agensi tanpa lesen dengan syarikat berlesen untuk mendapatkan visa. Ini juga telah dikenalpasti sebagai salah satu punca menyebabkan penipuan semakin serius. Memandangkan Visa hanya boleh dimohon oleh syarikat berdaftar dengan kerajaan Arab Saudi (Muassasah) sahaja, ada sesetengah pihak telah berkomplot dengan agensi berlesen untuk mendapatkannya. Apabila sebarang masalah berlaku kepada Jemaah, tiada pihak yang mengaku bertanggungjawab.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Bagi menangani masalah penipuan pakej umrah yang semakin meruncing, Kerajaan telah menubuhkan **Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU)** pada 28 Ogos 2014. Kerajaan dilihat komited dalam merangka strategi baharu dan memperkemas penguatkuasaan peraturan lama bagi menangani isu berkenaan umrah. Ini kerana isu ini membabitkan soal agama dan kemasalahatan umat Islam serta hubungan baik dengan Kerajaan Arab Saudi.

MKSU telah ditubuhkan untuk memberi fokus utama terhadap kawalan kes penipuan umrah dengan memperkenalkan syarat-syarat yang lebih ketat termasuk memperkenalkan lesen khas atau '*sub license*' bagi syarikat pelancongan yang ingin menawarkan pakej umrah.

Usaha ke arah membasmi penipuan pakej umrah secara tuntas turut dibincangkan di dalam MKSU. Terma rujukan MKSU merangkumi:

- i. Menetapkan mekanisme pengawalseliaan pengendalian pakej umrah;
- ii. Merancang pelaksanaan kempen kesedaran kepada orang awam;
- iii. Memantau status penguatkuasaan dan siasatan ke atas kes-kes penipuan secara bersepadu;
- iv. Memantau pelaksanaan prosedur operasi piawai (SOP) yang disediakan oleh MATTA dan BUMITRA terhadap pengendalian pakej umrah; dan
- v. Memantau pelaksanaan standard perkhidmatan syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan dalam mengendalikan pakej umrah.

MKSU turut menetapkan harga minimum pakej umrah pada kadar RM4900. Harga ini merupakan antara indikator asas untuk menentukan kesahihan sesuatu pakej umrah tersebut. Tiada mana-mana syarikat dibenarkan menjual pakej umrah di bawah RM4900. Sebarang tajaan dan sumbangan yang diperolehi bagi mengurangkan harga pakej perlu mendapat kelulusan daripada MKSU terlebih dahulu sebelum diiklankan kepada orang ramai bagi memastikan pakej tersebut tiada sebarang elemen penipuan. Syarikat-syarikat berlesen juga tidak dibenarkan hanya menjual visa kepada syarikat lain tanpa sebarang pakej umrah yang sah. Ini bagi memastikan pengguna dan jemaah dapat dilindungi.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Sebagai kesimpulan, marilah kita renungi beberapa perkara pokok perbicaraan dalam khutbah hari ini:

Dalam keghairahan umat Islam mengejar peluang bagi melaksanakan Ibadah Umrah, apa yang paling penting adalah kembali kepada perintah Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT telah memberi peringatan pada ayat sebelum dalil fardhu haji dan di dalam surah yang sama. Firman Allah SWT:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalanya”. (Surah Al-Baqarah: 195)

Ayat ini memberi pengajaran kepada kedua-dua pihak iaitu syarikat dan jemaah umrah. Di dalam konteks umrah, tiada halangan terhadap kos dan perbelanjaan pakej umrah kepada mereka yang mempunyai kemampuan. Namun begitu sekiranya jelas pakej dan syarikat tersebut merupakan penipuan, jemaah adalah bersubahat sekiranya sengaja mencampakkan diri ke dalam kebinasaan dengan sengaja membeli pakej umrah yang diketahui/disyaki sebagai penipuan. Begitu juga pengguna turut bersubahat dan sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan jika tidak menyemak terlebih dahulu status keabsahan syarikat.

Justeru, kedua-dua pihak perlu membaiki amalan dan perbuatan masing-masing. Samada menunaikan amanah selaku syarikat, redha dengan ujian disebabkan faktor yang tidak dijangka serta menunaikan hak mengadu, menuntut dan mendapatkan pembelaan terhadap salah laku atau perjanjian yang tidak ditunaikan. Sesungguhnya umrah itu adalah ibadah dan ibadah itu merupakan ujian oleh Allah SWT bagi menilai hamba-hambanya yang soleh.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah